

Sg Kertas 'port' sampah haram

30 lori dikesan ke kawasan ini dalam tempoh sejam untuk buang sisa muatan masing-masing

■ NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Dalam tempoh sejam, sekurang-kurangnya 30 buah lori dengan muatan sampah binaan dan domestik melalui kawasan Sg Kertas dipercayai untuk membuangnya di sekitar kawasan tersebut.

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, satu pertemuan akan diatur bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk perbincangan selepas mendapati sebahagian lori datangnya dari arah Kuala Lumpur.

Menurutnya, tindakan membuang sampah secara haram di kawasan tersebut menyebabkan berlakunya satu kebakaran minggu lalu dan sehingga semalam kerja pemadaman masih dilakukan.

"Kita akan berbincang dengan

DBKL untuk maklumkan masalah itu kerana terdapat kontraktor dari Kuala Lumpur mengambil jalan mudah membuang sampah di sini.

"Faktor menjimatkan kos dan masa mungkin antara punca kontraktor menjadikan Sg Kertas sebagai alternatif tapak pelupusan sampah haram berbanding membuangnya terus ke Bukit Tagar," katanya.

Ditanya tentang status kebakaran katanya, kelmarin telah bermulanya kerja penyuraian sampah selepas kaedah manual tidak dapat memadamkan api secara sepenuhnya.

"Menjadi masalah kita sekarang lokasi yang akan dipilih untuk membuang sisa sampah semasa kerja penyuraian itu.

"Keputusan dijangka diperoleh selepasnya Khamis ini dalam mesyuarat jawatankuasa daerah," katanya.



Kerja penyuraian sampah dilakukan sebagai salah satu langkah menghentikan kebakaran dari merebak.